

Kesinambungan Budaya Melayu — Orang Asli

WAN HASHIM WAN TEH

PENGENALAN

Seorang penyelidik atau pelawat biasa akan mendapati bahawa sebahagian besar aspek kehidupan orang asli masa kini sudah berubah. Kehidupan mereka kini amat 'moden' jika dibandingkan dengan keadaannya sebelum tahun-tahun 1950-an. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat orang asli sudah terangkum ke dalam arus besar kehidupan masyarakat kebangsaan di samping menjadi tumpuan khusus dasar pemerintah.

Dari satu sudut, kita akan bertemu dengan kenyataan bahawa orang asli kini menganuti cara-cara hidup masyarakat petani Melayu. Ini dapat dilihat daripada dimensi hidup seperti ekonomi, politik, keadaan fizika perkampungan, bahasa pertuturan dan budaya. Fenomena ini merupakan sesuatu yang umum atau terhad kepada kes tertentu. Rencana ini akan membincangkan aspek ini dengan mengambil dua komuniti orang asli sebagai kajian kes. Persamaan cara hidup orang asli kini dengan masyarakat petani Melayu akan ditakrifkan sebagai 'kesinambungan budaya'. Faktor penting yang mewujudkan kesinambungan ialah kontak sosial antara dua suku bangsa ini. Kontak sosial yang dimaksudkan bukannya berlaku di zaman moden ini sahaja tetapi mungkin sudah berlaku sejak beberapa zaman yang lalu. Walau bagaimanapun, kontak yang lebih mendalam bersamaan dengan proses modenisasi yang berlaku di abad ke-20 ini telah mengakibatkan orang asli menyetepikan cara hidupnya yang lama dan menerima cara hidup baru dengan mengambil kehidupan orang Melayu sebagai model contoh.

KOMUNITI YANG DIKAJI

Komuniti orang asli yang telah dikaji ialah masyarakat Temiar di Pos Kemar, Hulu Perak (Perak) dan masyarakat Jah Het di Kampung Sungai Kiul, Jerantut (Pahang). Kajian ini telah dilakukan pada akhir tahun 1986 dan awal tahun 1987 melalui pembiayaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jumlah penduduk orang asli kesemuanya dalam tahun 1980 ialah 62,413 orang. Mereka ini terbahagi kepada tiga kumpulan terbesar iaitu Negrito berjumlah 2,170 orang, Sengoi berjumlah 35,934 orang, dan Melayu Asli berjumlah 24,309 orang.¹ Suku Temiar yang berjumlah 12,365 orang dan Jah Het yang berjumlah 3,500 orang berada di bawah

kumpulan Sengoi. Sebahagian besar suku Temiar terdapat dalam negeri Perak manakala suku Jah Het pula terdapat dalam negeri Pahang.

Kawasan Pos Kemar terletak di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) orang asli yang telah dimulakan rancangannya pada tahun 1976. Tujuannya ialah untuk mengumpulkan penduduk orang asli yang tinggal berselerak di sekitar lembah sungai Temenggor dan Sungai Lengweg ke dalam satu komuniti yang besar dengan ditadbir secara langsung oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Pembinaan empangan Temenggor di Kuala Sungai Temenggor yang bertemu dengan Sungai Perak melibatkan sebahagian daripada kampung asal orang asli ditenggelami air. Selain daripada faktor keselamatan negara yang memerlukan orang asli diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), faktor pembinaan empangan ini menjadi sesuatu yang mendesak dan memaksa mereka berpindah ke suatu kawasan yang telah ditetapkan iaitu di sekitaran Lembah Sungai Lengweg dan di Ulu Sungai Temenggor. Proses pengumpulan semula ini bermula pada tahun 1976 mengambil masa tiga tahun lamanya apabila semuanya berpindah ke kawasan penempatan sekarang pada tahun 1979.

Bilangan keluarga orang asli di Pos Kemar ialah 360 buah dengan bilangan penduduknya seramai 1,589 orang (1985).² Komuniti orang asli ini terbahagi kepada 15 buah kampung, setiap satu diketuai oleh seorang penghulu.

Orang-orang asli di daerah Jerantut juga diletakkan di bawah Rancangan Pengumpulan Semula JHEOA untuk tujuan keselamatan negara. Masyarakat Jah Het dalam daerah ini tinggal di tiga buah kampung iaitu Sungai Kiul, Sungai Mai dan Sungai Kol dengan jumlah penduduk masing-masing 340 orang, 235 orang, dan 87 orang.³ Terdapat 60 buah keluarga orang asli di RPS Sungai Kiul.

Mengikut cerita lisan oleh batannya, Kampung Sungai Kiul mula dibuka sekitar tahun 1920-an oleh seorang batin yang bernama Dang dari lembah Krau.⁴ Batin Dang yang merupakan datuk kepada batin sekarang telah berkahwin dengan seorang wanita Jah Het dari Sungai Mai. Apabila isterinya meninggal dunia, Batin Dang telah jatuh hati kepada menantunya (isteri anak sulungnya Klau bin Dang) dan kemudian mengahwininya. Oleh sebab Batin Dang merasa malu kepada anak buahnya, beliau melarikan diri dari masyarakatnya di Krau dan akhirnya tiba di Sungai Kiul, satu kawasan yang didapati subur dan sesuai untuk dijadikan kampung. Batin Dang pun membuka kampung ini bersama sanak-saudara sebelah isterinya dari kampung Mai. Selepas kampung ini dibuka, Batin Dang menghilangkan diri tanpa disedari oleh siapa pun. Masyarakat kampung ini kemudiannya melantik Klau sebagai pengganti ayahnya yang telah hilang.

ASAL USUL ORANG TEMIAR DAN JAH HET

Kedua-dua suku bangsa Temiar dan Jah Het mempunyai cerita asal usul mereka sendiri yang diwarisi turun temurun. Cerita mitos ini diketahui oleh orang-orang tua di kalangan komuniti yang dikaji. Terdapat banyak versi mengenai cerita asal usul ini. Oleh itu penulis telah memilih versi yang paling umum diketahui serta mempunyai logik dari segi susunan ceritanya.

Cerita asal usul orang Temiar dikaitkan dengan kehidupan sebuah keluarga yang mempunyai beberapa orang anak termasuk seorang anak bongsu bernama Aluit.⁵ Di kalangan orang Temiar, Aluit adalah seorang tokoh yang amat istimewa dan mempunyai kuasa ke atas kehidupan mereka. Aluit dianggap sebagai 'Bapa' kepada umat manusia keseluruhannya dan bukan semata-mata Bapa bagi orang Temiar sahaja.

Kononnya pada zaman dulu, Aluit telah diberi mimpi oleh Tuhan bahawa dalam suatu masa tiga hari dari mimpinya akan berlaku satu banjir besar di dunia ini. Banjir ini akan menenggelamkan seluruh muka bumi ini. Oleh itu, Tuhan telah memerintahkan Aluit bersama kaum keluarganya supaya membuat sebuah rakit yang besar sebagai persediaan untuk menyelamatkan diri daripada banjir besar ini.

Keesokkan harinya Aluit telah menceritakan tentang mimpinya kepada ayah, ibu, saudara maranya, serta seluruh ahli di dalam komunitinya. Aluit juga meminta semuanya sama-sama membuat rakit seperti yang disuruh oleh Tuhan di dalam mimpinya.

Tetapi kesemua saudaranya tidak mempedulikan seruannya itu. Malah tidak siapa pun mempercayai bahawa mimpi Aluit itu adalah mimpi dari Tuhan dan akan menjadi kenyataan. Oleh itu, terpaksa Aluit membuat rakitnya seorang diri sahaja tanpa dibantu oleh sesiapa pun.

Pada hari ketiganya siaplah rakit yang dibuat secara bersendirian oleh Aluit. Sebagai persediaan tambahan, Aluit membawa bersamanya pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan sedikit makanan sebagai bekalan. Tidak dapat dipastikan berapa harikah banjir besar ini akan berlaku.

Pada hari ketiga itu juga, turunlah hujan dengan lebatnya disusuli oleh guruh yang bertalian dan petir sabung menyabung. Maka seluruh muka bumi mulai ditenggelami air dan kesemua umat manusia tidak sempat menyelamatkan diri kecuali Aluit dan seorang kakaknya yang telah sempat bersama Aluit menaiki rakit yang telah disediakan.

Beberapa hari kemudian, hujan dan ribut pun reda dan air yang banjir kembali surut. Rakit yang menyelamatkan Aluit dan kakaknya tersangkut di sebuah puncak gunung yang letaknya di hulu Sungai Kinta Perak. Aluit dan kakaknya pun memunggah semula bekalan makanan dan benih tumbuh-tumbuhan ke atas dataran untuk tinggal menetap di kawasan itu.

Kemudian Aluit mula merasa bimbang kerana apabila dia dan kakaknya mati, tentulah keturunan manusia di bumi ini akan pupus. Dalam keadaan demikian, Tuhan sekali lagi memberi mimpi kepada Aluit

bahawa ia dibenarkan oleh Tuhan berkahwin dengan kakaknya. Apabila sudah berkahwin, maka lahirlah anak secara berpasang-pasangan. Anak cucu Aluit inilah yang menjadi kumpulan manusia seperti orang Temiar, orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Putih, dan sebagainya, yang ada di dunia pada hari ini.

Tradisi lisan orang Jah Het pula meriwayatkan bahawa mereka berasal dari Pagar Ruyong, Indonesia.⁶ Keturunan mereka adalah dari salah seorang anak raja Pagar Ruyong yang telah mengembara meninggalkan negeri itu hingga sampai ke Johor. Raja Pagar Ruyong pada masa itu ialah seorang Jah Het yang telah beristerikan wanita Melayu yang beragama Islam.

Oleh sebab berlakunya perselisihan faham antara tiga beradik anak-anak raja ini selepas ayahnya meninggal dunia, abangnya yang tua (Keraton) mengambil sikap mengalah dan terus mengembara hingga sampai ke Johor dan kemudiannya ke Pahang. Di Pahang inilah, iaitu di lembah Krau, Keraton dan pengikut-pengikutnya membuka negeri dan tempat kediaman baru.

Dalam tulisan sejarahnya tentang negeri Pahang, Linehan ada menyebut bahawa orang Jah Het di lembah Krau adalah berasal dari keturunan Minangkabau dari Pagar Ruyong, Sumatera. Mereka adalah keturunan daripada penduduk Pagar Ruyong yang telah terlibat dengan Pemberontakan Rawa dalam tahun 1862.⁷

Couillard yang mengkaji orang Jah Het di Sungai Kol, Jerantut memperolehi cerita lisan bahawa orang Jah Het ini telah berpindah ke mari dari tempat asal mereka kerana kepadatan penduduk.⁸ Mereka yang berpindah ini terpaksa menyeberangi lautan dan kemudiannya menghadapi hujan dan ribut sehingga sebahagian daripadanya terdampar di Pulau Tempurung manakala sebahagian yang lainnya terus belayar sehingga sampai ke Pulau Jawa. Oleh sebab mereka yang berpindah ke Pulau Jawa ini mempunyai alat-alatan bercucuk tanam seperti besi, benih padi, dan pakaian, kehidupan mereka lebih maju dari golongan yang tertinggal di Pulau Tempurung. Akhirnya, disebabkan oleh kepadatan penduduk, orang-orang Jah Het di Pulau Tempurung terpaksa berpindah ke tanah besar iaitu Semenanjung Tanah Melayu. Sebelum berpindah ke Pahang, penempatan asal mereka ialah di sekitar kawasan Sungai Johor.

Daripada kedua-dua cerita lisan tentang asal usul orang Temiar dan orang Jah Het, jelas kepada kita bahawa terdapat pertaliannya antara keturunan Melayu dan orang asli. Cerita tentang Aluit dengan kisah banjir besar mempunyai persamaan dengan kisah bahtera karam Nabi Noh seperti terdapat dalam Islam dan di kalangan orang-orang Melayu. Kemungkinannya cerita Aluit ini diambil dari cerita Nabi Noh dan ini menunjukkan bahawa cerita rakyat mengenai asal usul manusia seperti yang terdapat di kalangan Orang Temiar adalah pengaruh tradisi lisan dari orang Melayu.

Cerita asal usul orang Jah Het pula membayangkan pertalian persaudaraan yang dekat antara orang Jah Het dengan orang Melayu suku Minangkabau. Tempat asal mereka iaitu Pagar Ruyong sememangnya sudah masyhur sebagai kawasan asal munculnya keturunan bangsawan orang-orang Melayu. Salah satu versi tradisi lisan ini mengaitkan hubungan persaudaraan antara orang Jah Het dengan orang Jawa. Satu versi yang lain mengaitkan penghijrahan mereka akibat daripada Pemberontakan Rawa dalam tahun 1862. Kesemua versi ini cuba menunjukkan hubungkait dan tali persaudaraan antara orang Jah Het dan orang Melayu.

BAHASA

Bahasa pertuturan di kalangan orang asli puak Negrito dan Sengoi di negara ini ialah bahasa Mon-Khmer yang merupakan pecahan daripada bahasa Austroasiatik. Bahasa Austroasiatik dikenali juga dengan panggilan bahasa Aslian Utara dan Aslian Tengah.

Benjamin membahagikan bahasa Aslian kepada tiga pecahan iaitu Aslian Utara, Aslian Tengah, dan Aslian Selatan.⁹ Kedua-dua sukubangsa Temiar dan Jah Het tergolong dalam pecahan Aslian Tengah yang juga dikenali sebagai bahasa Senoic.¹⁰

Walaupun masyarakat orang asli yang dikaji mempunyai bahasa asal mereka sendiri, tetapi sebahagian besar dari mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Pemimpin masyarakat mereka pula (Batin atau Penghulu) dapat bertutur dalam bahasa Melayu moden dengan fasihnya.

Keadaan ini didasarkan daripada beberapa faktor. Pertama ialah faktor kontak yang sudah begitu lama wujud di antara orang Melayu dan orang asli. Kontak ini bukannya sekadar di paras perhubungan biasa, tetapi juga kerana terdapatnya pertukaran barangan antara dua kumpulan manusia ini. Oleh itu, kemampuan bertutur dalam bahasa Melayu adalah satu keperluan. Hasil daripada perhubungan sosial ini, terdapat banyak istilah Melayu yang terdapat dalam bahasa Temiar dan Jah Het. Malah kalau kita mendengar komuniti ini berbual sesama sendiri dalam bahasa mereka, kita dapat menangkap beberapa perkataan Melayu yang disesuaikan untuk digunakan dalam bahasa mereka.

Kedua ialah hasil pendedahan komuniti orang asli kepada alat-media elektronik terutamanya radio dan televisyen. Penggunaan radio sudah merupakan sesuatu yang umum di kalangan kedua-dua komuniti orang asli yang dikaji. Kira-kira 50% keluarga Jah Het di Sungai Kiul sudah memiliki peti televisyen manakala bilangannya yang memiliki televisyen di Pos Kemar masih tidak begitu ramai. Walau bagaimanapun, penduduk yang tidak mempunyai peti televisyen akan sentiasa bertumpu ke rumah saudara-mara mereka yang mempunyai televisyen. Ini dengan sendirinya membolehkan mereka memahami dan bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasihnya.

Faktor ketiga ialah persekolahan. Hari ini sebahagian besar generasi muda masyarakat Temiar dan Jah Het pernah mengikuti pendidikan formal di sekolah. Di kedua-dua komuniti yang dikaji, terdapat sekolah rendah yang dikendalikan oleh kakitangan JHEOA. Bahasa persekolahan dan buku yang mereka baca adalah dalam bahasa Malaysia. Pendidikan formal ini membolehkan mereka bercakap dalam bahasa Malaysia dengan lancar walaupun tidak semestinya mereka sentiasa bergaul dengan orang Melayu. Malah pergaulan dengan orang Melayu lebih sering berlaku di kalangan orang dewasa dan tidak di kalangan kanak-kanak sekolah.

Hal ini menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa kedua bagi komuniti yang dikaji selepas bahasa ibunda mereka. Sebahagian besar daripada ahli masyarakat yang dikaji dapat bertutur dalam bahasa Malaysia dengan lancarnya. Sebilangan kecil mereka yang kurang fasih bertutur dalam bahasa Malaysia terdiri daripada orang tua yang kurang mempunyai hubungan secara langsung dengan orang Melayu. Ini terdapat di kalangan penduduk kampung yang agak terpencil di Pos Kemar.

KEGIATAN EKONOMI

EKONOMI TRADISIONAL

Ekonomi tradisional komuniti yang dikaji ialah ekonomi semulajadi atau ekonomi saradiri. Sebahagian besar hasil pengeluaran adalah untuk kegunaan keluarga dan tidak untuk pasaran. Jika kita menggunakan konsep *ecotype* yang di kemukakan oleh Eric Wolf, kita dapati bahawa teknik pengeluaran pertanian komuniti tersebut tergolong dalam *paleotechnic ecotype*, iaitu mereka menggunakan peralatan pertanian yang mudah dengan lebih banyak bergantung kepada tenaga manusia atau binatang.¹¹

Kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Temiar tertumpu kepada memungut hasil hutan, memburu, menangkap ikan, dan bercucuk tanam. Kegiatan ekonomi mereka lebih banyak bergantung kepada alam persekitaran semulajadi. Hasil-hasil hutan yang dipungut ialah pucuk-pucuk kayu, umbut dan pelbagai jenis siput yang boleh dimakan.

Mereka juga seringkali keluar memburu secara berkumpulan. Alatan yang paling umum digunakan ialah buluh sumpit untuk menyempit binatang-binatang kecil seperti burung, tupai, kera atau lotong, dan ayam hutan. Untuk menangkap binatang-binatang yang lebih besar seperti babi, rusa, kijang, atau pelanduk, biasanya mereka menggunakan pelbagai jenis perangkap. Menangkap ikan juga merupakan aktiviti yang sering dilakukan. Ikan di tangkap dengan menggunakan pancing, jala, tombak, bubu, tuba. Kadangkala, ikan ditangkap dengan menggunakan tangan sahaja.

Pokok-pokok yang ditanam untuk menghasilkan makanan pula ialah ubi kayu, ubi keledak, jagung, sekoi, dan padi huma. Ubi kayu, ubi

keledek, jagung dan sekoi adalah makanan tradisional yang telah diusahakan sejak ratusan tahun yang lalu. Tetapi bagi orang Temiar, tanaman padi huma atau padi bukit adalah suatu kegiatan baru yang dipelajari daripada orang Melayu. Tanaman ini dimulakan di sekitar tahun 40-an atau 50-an. Sebelum itu, makanan utama mereka, selain daripada ubi kayu, ialah sekoi. Sejak mereka tahu menanam padi, sekoi menjadi kurang penting sebagai bahan makanan.

Orang Temiar dan orang asli lainnya tidak seratus peratus terpencil dan bebas daripada pengaruh masyarakat lain dan daripada dunia di luar komuniti mereka. Beberapa keperluan asas termasuk alatan pertanian seperti kapak atau beliong, garam, gula, dan pakaian, perlu diperolehi daripada masyarakat luar. Barangan ini biasanya diperolehi daripada orang Melayu yang tinggal berjiran dengan kampung mereka. Ini mewujudkan sistem pertukaran, di mana orang asli menyediakan rotan, atap, buluh, atau kayu yang diperlukan oleh orang-orang Melayu untuk ditukar dengan barangan keperluan mereka seperti yang telah disebutkan tadi. Ini menunjukkan bahawa kontak dengan orang Melayu adalah untuk memenuhi keperluan asas yang tidak dapat dipenuhi dalam komuniti mereka sendiri.

Komuniti Jah Het lebih terdedah kepada komuniti luar kerana kedudukan mereka tidak begitu jauh daripada bandar dan jalan raya. Mereka juga sudah lama mempunyai kontak dengan masyarakat Melayu dan juga masyarakat bukan Melayu di Pahang. Ekonomi saradiri mereka boleh dikatakan sama dengan ekonomi saradiri orang Temiar.

EKONOMI MODEN

Semasa kajian ini dilakukan, kedua-dua komuniti ini masih mengamalkan aktiviti ekonomi tradisional mereka. Memburu, memungut hasil hutan, menangkap ikan, menanam ubi kayu, padi huma, dan tumbuh-tumbuhan lainnya masih tidak ditinggalkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan dari segi penglibatan mereka dengan aktiviti yang dulunya tidak dilakukan.

Hari ini sebahagian daripada orang Temiar dan orang Jah Het sudah mulai menanam dan menoreh getah. Mereka juga bekerja sebagai buruh upahan dengan orang Melayu atau orang Cina yang mempunyai projek pembangunan dan pertanian tidak begitu jauh daripada kawasan penempatan mereka. Ada yang mengambil upah menebang dan menebas hutan dan belukar, menanam pokok getah, membersihkan ladang getah, kelapa sawit, dan koko (di Jerantut), dan lain-lain pekerjaan yang memberi pendapatan harian.

Aktiviti ekonomi moden ini lebih mudah dilakukan oleh mereka pada hari ini kerana sebahagian besar ahli komuniti mereka sudah tinggal menetap di satu kawasan dan kurang berpindah randah seperti dulunya. Dalam aspek tertentu, mereka sudah bertukar menjadi masyarakat tani

yang tinggal menetap. Ciri-ciri ekonomi mereka sudah menyerupai kehidupan ekonomi petani Melayu. Mereka sudah mula menanam atau menoreh getah, menanam padi huma, menternak ayam dan lembu, menangkap ikan, dan tinggal menetap di kawasan perkampungan seperti orang Melayu. Terdapat di antara mereka yang bekerja dengan secara mengambil upah. Dalam hal ini, amat jelas terdapat tinda-lapis antara kegiatan ekonomi moden masyarakat Temiar dan Jah Het dengan masyarakat petani Melayu.

KEPIMPINAN DAN POLITIK

Unit asas kehidupan sosial umat manusia ialah keluarga yang mengandungi seorang ayah, ibu, dan anak-anak. Biasanya si ayah berperanan sebagai pemimpin atau ketua bagi satu-satu keluarga. Selain daripada keluarga asas (nuclear family) yang mengandungi dua generasi iaitu ibu-bapa dan anak-anaknya, unit sosial yang lebih umum di kalangan masyarakat orang asli ialah keluarga besar (extended family) yang mengandungi lebih dari satu keluarga asas atau lebih daripada dua generasi yang tinggal bersama. Sama seperti keluarga asas, dalam keluarga besar juga si ayah dianggap sebagai pemimpin atau ketua keluarga.

Benjamin yang pernah mengkaji aspek kepimpinan dalam komuniti Temiar berpendapat bahawa pada masa dulunya komuniti Temiar tidak mempunyai sistem kepimpinan atau ketuanan yang sah.¹¹ Kewujudan sistem kepimpinan ini hanya berlaku apabila adanya kontak dengan komuniti Melayu yang berhampiran. Wujudnya hubungan dengan komuniti Melayu memerlukan orang Temiar memilih seorang 'pemimpin' mewakili komuniti mereka. Adalah diandaikan bahawa sebelum sistem kepimpinan ini dimantapkan, ketua keluarga yang biasanya seorang yang tua atau dewasa dianggap sebagai ketua bagi kumpulannya. Mungkin sistem ketuanan ini juga adalah pengaruh daripada cara-cara hidup orang Melayu.

Di Hulu Perak dan Kelantan, pemimpin komuniti Melayu yang menggelarkan dirinya Tok Mekong menganggap dirinya sebagai pemimpin orang Temiar juga dan orang asli dianggap berada di bawah naungannya. Oleh sebab keperluan hubungan antara Tok Mekong dengan komuniti orang asli ini, maka timbullah keadaan di mana diwujudkan seorang ketua yang bersifat lebih formal di kalangan orang asli.

Seorang ketua komuniti di tempat kajian diberi gelaran 'penghulu' tetapi kedudukannya sama dengan seorang 'ketua kampung' dalam komuniti Melayu. Seorang penghulu mendapat elaun tahunan seperti ketua kampung. Carey berpendapat memang terdapat istilah ketua dalam masyarakat Temiar yang dikenali dengan nama *tongok*.¹² *Tongok* merujuk kepada seorang ketua bagi beberapa keluarga yang tinggal dalam

sebuah rumah panjang. Untuk satu kumpulan yang lebih besar yang mendampingi beberapa rumah panjang di satu kawasan lembah, 'pemimpinnya' dikenali dengan panggilan *tuak*.¹³

Di Pos Kemar, terdapat lima belas orang penghulu yang memimpin komuniti mereka masing-masing. Sebuah komuniti yang paling besar mempunyai 64 buah keluarga manakala yang paling kecil mempunyai hanya 6 buah keluarga. Di kalangan penghulu ini JHEOA telah melantik salah seorang daripada mereka sebagai wakil kepada semua penghulu yang ada.

Di kalangan masyarakat Jah Het juga, terdapat sistem kepimpinan yang agak formal. Pemimpin sesebuah komuniti dikenali dengan panggilan *batin* manakala penolongnya dikenali dengan nama *menteri*. Umumnya, batin adalah pemimpin bagi sesebuah penempatan. Perlantikan penghulu di kalangan orang Temiar dan batin di kalangan orang Jah Het dilakukan secara warisan.¹⁴ Apabila seorang ayah mati, maka anak lelakinya secara otomatis dilantik menjadi batin.

Pada hari ini, penghulu dan batin adalah jawatan formal yang diiktiraf oleh kerajaan. Penghulu di Hulu Perak dilantik oleh kerajaan negeri atas nasihat JHEOA manakala batin di Pahang menerima tauliah perlantikan daripada DYMM Sultan Pahang. Ini bermakna taraf penghulu dan batin di kalangan orang asli sama dengan kedudukan ketua-ketua kampung di kalangan orang Melayu. Sistem kepimpinan ini juga sudah terangkum ke dalam sistem politik dan pentadbiran moden yang lebih besar.

Satu lagi dimensi politik atau kepimpinan ialah pemilihan calon dalam pilihanraya. Orang-orang asli kini mempunyai kad pengenalan seperti warganegara lainnya. Mereka juga mempunyai hak yang sama untuk mengundi semasa pilihanraya. Malah terdapat di kawasan-kawasan orang asli yang tertentu yang mempunyai cawangan sesebuah parti politik kebangsaan.

Di kedua-dua buah komuniti yang dikaji masih belum terdapat cawangan parti politik ditubuhkan. Tetapi kebanyakan orang-orang dewasanya terlibat dalam proses pengundian semasa pilihanraya umum. Kakitangan JHEOA dan pemimpin parti politik lokal memainkan peranan yang penting mempengaruhi orang asli parti manakah yang mesti mereka pilih.

Perbincangan dalam bahagian ini telah menunjukkan organisasi kepimpinan di paras kampung atau komuniti mempunyai banyak persamaan dengan organisasi politik lokal komuniti Melayu. Dari segi politik kebangsaan, kedudukan ahli dalam komuniti yang dikaji adalah sama tarafnya dengan kedudukan orang Melayu dan kaum-kaum lain di negara ini.

GAYA HIDUP

Gaya hidup adalah aspek material dan lahiriah bagi sesebuah masyarakat.

Antara perkara yang akan dibincangkan di bawah tajuk ini ialah keadaan tempat kediaman, pakaian, rekreasi, serta minat dan citarasa.

Seperti yang telah dinyatakan pada awal rencana ini, kedua-dua komuniti yang dikaji termasuk di bawah Rancangan Penempatan Semula (RPS) yang dibiayai oleh kerajaan. Antara tujuan RPS ini ialah untuk mengumpulkan orang asli supaya mereka tinggal menetap di satu kawasan yang boleh diawasi oleh kerajaan melalui JHEOA.

Salah satu daripada cara untuk menggalakkan orang asli meninggalkan kehidupan secara berpindah randah ialah dengan memberi bantuan perumahan percuma. Rumah ini dibuat daripada papan dan akan dapat bertahan untuk berbelas ataupun berpuluh tahun lamanya. Sudah tentunya rumah pemberian kerajaan ini jauh lebih besar dan sempurna daripada teratak kecil atau rumah panjang yang dibuat daripada buloh, kayu, rotan, dan atap. Ini memaksa orang asli untuk tinggal menetap dan meninggalkan cara hidup lama, iaitu berpindah-randah dari satu kawasan ke satu kawasan.

Rumah yang dibina ialah secara berderet memanjang seperti yang lazimnya diberikan kepada peneroka Felda. Jarak di antara satu rumah dengan satu rumah yang lain ialah antara 10 hingga 15 atau 20 ela. Kecuali penghulu atau batin yang diberi rumah yang mempunyai dua bilik tidur, kesemua rumah lainnya mempunyai satu bilik tidur, satu ruang tengah, satu ruang dapur, dan ruang hadapan atau *varendah* yang agak kecil. Oleh kerana setiap rumah ini dibina khusus untuk satu keluarga sahaja, pola penempatan baru ini telah memecahkan struktur asal keluarga besar yang wujud pada sebahagian besar kelompok orang asli. Dengan perkataan lain, rumah panjang menjadi cara hidup yang semakin sukar ditemui di kawasan RPS. Malah sebuah keluarga asas yang diwujudkan akan cuba memisahkan diri mereka secepat mungkin daripada ibu bapa mereka dengan tujuan untuk memiliki rumah sendiri yang diberi secara percuma oleh kerajaan. Pola perumahan yang baru ini sama seperti apa yang terdapat di kalangan peneroka Felda.

Dalam tahun-tahun 50-an dan sebelumnya, sebahagian besar orang asli memakai pakaian yang paling minima, iaitu untuk menutup bahagian kemaluan mereka sahaja. Sebelum kain digunakan secara berleluasa, pakaian mereka umumnya dibuat daripada kulit kayu, daun-daun kering, ataupun kulit binatang. Apabila kain diperolehi di atas kadar yang paling minima, kain ini digunakan untuk dibuat 'cawat', iaitu ikatan yang menutup kemaluan bagi orang-orang lelaki.


Pada hari ini, kita tidak lagi bertemu dengan pakaian orang asli yang dibuat daripada kulit kayu, daun, atau kulit binatang. Sebahagian besar daripada mereka sudah memakai baju dan seluar bagi laki-laki serta baju dan kain (biasanya kain batik) bagi orang perempuan. Cuma sekali sekala sahaja kita bertemu dengan orang-orang tua yang masih memakai cawat. Kes seperti ini ditemui di Pos Kamar tetapi tidak di Sungai Kiul. Anak-




GAMBAR 1. Wanita Temiar di Hulu Perak pada tahun 1945.




GAMBAR 2. Wanita Temiar di Hulu Perak pada tahun 1986.



GAMBAR 3. Menumbuk padi untuk dibuat emping, yang juga dilakukan oleh orang Melayu.



GAMBAR 4. Penduduk kedua-dua buah komuniti mendapat rumah ala-Felda dari kerajaan. Ini memaksa mereka untuk tinggal menetap di satu kawasan.



GAMBAR 5. Pasar lambak diadakan pada hari penerimaan subsidi di Pos Kemar, Hulu Perak.



GAMBAR 6. Dinding rumah mereka dihiasi dengan poster penyanyi pop dan bintang filem Melayu yang mereka minati.

anak muda pula berpakaian moden seperti seluar biasa, jeans ketat, T-Shirt dan baju-baju moden seperti pemuda Melayu juga.

Golongan pemuda pula ramai yang memakai baju dan kain, tetapi sudah terdapat mereka yang memakai pakaian moden seperti seluar dan *blouse*. Apabila mereka keluar ke bandar, tidak terdapat perbezaan di antara muda-mudi orang asli dan muda-mudi Melayu dari segi pakaian. Kehidupan yang baru dengan pendapatan daripada pekerjaan mereka yang agak sederhana membolehkan mereka membeli pakaian yang moden dan kemaskini. Di Pos Kemar, setiap orang yang berumur 18 tahun ke atas diberi subsidi sebanyak M\$25 sebulan. Ini membolehkan mereka membeli barangan daripada kedai termasuk pakaian moden.

Pada masa lapang khususnya waktu petang, terdapat anak-anak muda dan kanak-kanak menghabiskan masa mereka dengan bersukan. Permainan yang paling popular sekali di kedua-dua penempatan yang dikaji ialah sepaktakraw dan bolasepak. Dari apa yang diperhatikan, taraf kebolehan pemain-pemain daripada kalangan pemuda orang asli ini adalah baik dan tidak jauh bezanya daripada kebolehan anak-anak Melayu di desa. Pakaian yang digunakan oleh pemain-pemain ini juga sama dengan pakaian pemain sepaktakraw dan bolasepak lainnya.

Bagi kaum wanita yang tinggal di rumah, mereka lebih suka mendengar lagu-lagu hiburan yang dinyanyikan oleh penyanyi Melayu melalui siaran radio. Kesemua lapisan umur iaitu golongan pemuda dan pemuda serta orang dewasa dan kanak-kanak suka menonton rancangan hiburan dan muzik di televisyen. Mereka juga cenderung untuk menonton rancangan tayangan gambar Melayu, drama minggu ini, dan drama swasta. Pendek kata, pendedahan mereka terhadap siaran radio dan televisyen adalah kepada rancangan hiburan yang bercorak ke-Melayuan. Tidak hairanlah kita dapati bahawa poster-poster bintang filem dan penyanyi popular Melayu seperti Fauziah Ahmad Daud, Sharifah Aini, Mazuin Hamzah, Noorkumalasari, Sudirman, Ahmad Fauzi, Jamal Abdillah, Salleh Yaacob, dan lain-lainnya terhias di dinding rumah mereka. Citarasa dan rancangan hiburan daripada radio dan televisyen yang terdedah kepada ahli masyarakat yang dikaji sama dengan apa yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu. Ini menunjukkan bahawa terdapat perkongsian minat dan citarasa terhadap budaya popular moden di kalangan masyarakat Melayu dan orang asli akibat pendedahan kepada media massa yang sama yang memancarkan pelbagai rancangan hiburan yang sama.

KESIMPULAN

Rencana ini bertujuan untuk menunjukkan wujudnya kesinambungan budaya antara orang Melayu dan orang asli yang tinggal di Pos Kemar Hulu Perak dan di Sungai Kiul, Jerantut. Dimensi kehidupan yang telah dibincangkan untuk menunjukkan fenomena kesinambungan budaya ini

ialah tradisi lisan, bahasa, kegiatan ekonomi, kepimpinan dan politik, serta gaya hidup. Kesemua dimensi kehidupan yang dibincangkan ini menunjukkan wujudnya ciri-ciri budaya orang Melayu di kalangan masyarakat orang asli yang dikaji.

Rencana ini juga membincangkan keadaan dan faktor yang menyebabkan terdapatnya asimilasi budaya orang Melayu di kalangan orang asli. Antara keadaan dan faktornya ialah kontak dan interaksi yang telah wujud begitu lama disebabkan kehidupan berjiran atau kerana keadaan yang memaksa wujudnya hubungan ekonomi dan sosial antara orang Melayu dan orang asli. Selain itu, kewujudan media massa elektronik seperti radio dan televisyen, kepentingan politik kebangsaan dan keselamatan negara, serta wujudnya rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan secara sedar telah mempercepatkan lagi proses difusi budaya daripada masyarakat induk orang Melayu yang didokongi oleh pemerintah kepada ahli masyarakat orang asli. Pada hari ini, secara lahiriahnya kita dapati bahawa cara hidup orang asli di kawasan penempatan yang dikaji mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Melayu yang tinggal dalam kampung-kampung yang agak jauh daripada bandar. Aspek kehidupan yang masih menunjukkan perbezaan yang ketara antara orang Melayu dengan orang asli ialah agama iaitu hanya sebahagian kecil sahaja orang asli yang telah menerima Islam sebagai agama mereka.

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada saudara Hood Hj. Salleh yang telah membaca dan memberi beberapa saranan untuk dibaiki draf asal rencana ini.

NOTA

¹Maklumat diperolehi daripada pejabat JHEOA Daerah, Hulu Perak.

²Pejabat JHEOA, Pos Kemar, Hulu Perak.

³Pejabat JHEOA Jerantut, Pahang.

⁴Temubual dengan Talib bin Klau, *batin Jah Het* di RPS Sungai Kiul.

⁵Versi yang digunakan diambil dari Pemangku Penghulu bagi Kampung Lerlar, Asu bin Busu yang memperolehi cerita ini dari ayahnya. Semasa Asu meriwayatkan cerita ini, ayahnya Busu ada bersama untuk membetulkan sekiranya berlaku kesilapan pada apa yang diceritakan oleh anaknya.

⁶Berdasarkan temubual dengan *puyang* Tow bin Babil, Kampung Sungai Kiul.

⁷W. Linehan, *A History of Pahang*, JMBRAS, Kuala Lumpur 1973, 4.

⁸M.A. Couillard, *Tradition In Tension: Carving in a Jah Het Community*, Penerbit USM, Pulau Pinang, 1980.

⁹G. Benjamin, 'Temiar Social Groupings' dalam *Federation Museums Journal*, Vol. 11, 1966 1-13.

¹⁰G. Benjamin, 'Austroasiatic Subgroupings and Prehistoric Malay Peninsular' dalam *Austroasiatic Studies*, Universiti of Hawaii, 1973 hlm. 37-128; G.I. Diffloth, 'Jah Het, an Austroasiatic Language of the Malay Peninsular', dalam *Southeast Asian Studies*, Canberra 1976.

¹¹Wolf membahagikan jenis *ecotypes* kepada dua iaitu *paleotechnic ecotype* dan *neo-technic ecotype*. *Paleotechnic ecotype* bergantung kepada tenaga manusia dan binatang manakala *neo-technic ecotype* menggunakan tenaga jentera dan peralatan sains; E. Wolf, *Peasants*, New Jersey, 1966 m.s. 19.

¹²G. Benjamin, 'Headmanship and Leadership in Temiar Society', *Federation Museums Journal*, (New Series, XIII 1968).

¹³I. Carey, *Orang Asli; The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur, 1976, m.s. 143.

¹⁴G. Benjamin, *op. cit.*, 1968; M.A. Couillard, *op. cit.*, 1980.

¹⁵I. Carey, *op. cit.*

Institut Bahasa dan Kesusteraan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, D.E., MALAYSIA